

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kelantan diramal hujan selasa dua minggu	Utusan Malaysia
2.	'Menyelesaikan kes pembunuhan'	Berita Harian
3.	Amaran hujan lebat tahap kuning	Utusan Malaysia
4.	Rakyat Kelantan diminta waspada hujan monsun beserta angin kencang	Sinar Harian
5.	AF Jets tambah 8 pesawat baharu	KOSMO
6.	Weather around Java Sea violent	The Star
7.	Access to east coast cut off	The Star
8.	More heavy rain to come	The Sun

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25**  
**TARIKH : 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

# Kelantan diramal hujan selama dua minggu

**MELAKA 28 Dis.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-TI) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan hujan tidak menentu dan kadang kala lebat terutamanya di Kelantan dan selatan Thailand akan berterusan dalam tempoh satu hingga dua minggu lagi.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, jabatan itu turut mengekalkan amaran hujan peringkat kuning dikeluarkan sebelum ini memandangkan keadaan cuaca yang belum pulih sepenuhnya.

Justeru, beliau mengingatkan orang ramai terutamanya yang ting-

gal di kawasan berkenaan supaya terus mengambil langkah berjaga-jaga serta mengikuti ramalan cuaca sebagai persediaan kemungkinan musibah lebih buruk.

"JMM meramalkan keadaan hujan ini akan berterusan dalam tempoh satu atau dua minggu lagi sebelum ia berkurang dari semasa ke semasa dan bergantung juga kepada keadaan angin.

"Hasil pengumpulan data dilakukan JMM, (taburan) hujan yang melanda Kota Bharu, Kelantan sepanjang tiga hari lalu adalah sangat luar biasa dan ia seperti yang pernah direkodkan 17 tahun lalu hingga mengakibatkan banjir besar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan program *Back to School Gunting Rambut Percuma Hari Keluarga Kem Terendak* di Balai Raya Taman Terendak Permai dan Pelancaran Tabung Banjir Pantai Timur Pertubuhan Pemikir Muda Malaysia (PPM) di Balai Raya Taman Terendak Permai, Sungai Udang, di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengurus Biro Pelajaran Pemuda UMNO yang juga Presiden PPM, Mohd. Rafiq Naizamohideen.

Jelas Abu Bakar, JMM sentiasa berhubung dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menyiarluarkan maklumat berhubung

data hujan yang diperoleh di seluruh negara sebagai persediaan berdepan banjir kemungkinan lebih buruk.

"Ini bagi membolehkan semua pihak berkenaan melakukan hebahan supaya orang ramai dapat melakukan persediaan sekiranya ramalan mendapati keadaan hujan akan mengakibatkan banjir di sesuatu kawasan," ujarnya.

Katanya, ramalan yang dikeluarkan JMM mempunyai kadar ketepatan antara 80 hingga 90 peratus dan ia turut dibandingkan dengan data yang dikumpul negara jiran sebelum sesuatu hasil ramalan dihebakan.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (DIDIK) : MUKA SURAT D1 & D2**  
**TARIKH : 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

## 'Menyelesaikan kes pembunuhan'

**Kuala Lumpur:** Pameran 'Whodunit? Murder Mystery at Menagerie Park' yang dianjurkan oleh Pusat Sains Negara (PSN) menawarkan pengalaman menarik kepada pengunjung bagi menyelesaikan kes pembunuhan berdasarkan kaedah forensik.

Pameran interaktif bertemakan sains forensik itu dianjurkan dengan kerjasama Scitech dari Perth, Australia yang berlangsung hingga 5 Februari depan.

### Menyiasat suspek

Koordinator Pamerannya, Cik Nurul

Haizun Abd Ghani, berkata melalui pameran itu, pengunjung diberi tugasan sebagai detektif untuk menyiasat kes pembunuhan yang berlaku di sebuah zoo.

"Jenayah yang berlaku membabitkan seorang pengawal keselamatan ditemui mati di dalam kandang haiwan serta seekor anak badak yang didapati hilang.

"Oleh itu, detektif dikehendaki mengenal pasti suspek berdasarkan ujian forensik ke atas beberapa bahan bukti yang dijumpai. Antaranya pengesan cap jari, objek dan sebagainya," katanya kepada BH Didik, baru-baru ini.

» *Pusat Sains Negara menganjurkan pameran interaktif 'Whodunit? Murder Mystery at Menagerie Park' bagi menyiasat kes pembunuhan berdasarkan ujian forensik*

● Lihat muka D2



## Manfaatkan cuti sekolah

### ● Dari muka D1

Pada pameran itu, wakil media turut dijemput oleh PSN untuk berasa mengikuti pameran berkenaan dan menempuh pengalaman sebagai penyiasat bagi menyelesaikan kes jenayah berkenaan.

'Whodunit? Murder Mystery at Menagerie Park' dibuka kepada kanak-kanak berusia 7 tahun dan ke atas, pelajar universiti dan seisi keluarga.

### Hiburan sambil belajar

Beliau berkata, sesi penyiasatan akan dibantu oleh facilitator yang membantu memberi penerangan mengenai kaedah penyiasatan.

"Pameran ini sememangnya mencabar minda. Di samping belajar, pameran bersifat permainan ini juga dapat memberikan hiburan menarik kepada pengunjung," katanya.

Bayaran tiket masuk ialah RM3 bagi kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun dan

RM6 untuk dewasa selain harga istimewa bagi lawatan berkumpulan sekolah rendah, menengah dan universiti serta percuma bagi orang kelainan upaya (OKU).

Selain itu PSN juga menyediakan pameran tetap membabitkan sains dan pelbagai aktiviti disediakan atau layari [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my) untuk keterangan lanjut.



Seorang kakitangan PSN menunjukkan cara membuat **belon buih gergasi**.

**Pengamal media** diberi peringatan mengenai Menagerie pada Hari Bersama Media di PSN.



**Dua orang kaki-tangan** PSN memberi makan kepada ikan air tawar di dalam akuarium.



**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11  
TARIKH : 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

## **Amaran hujan lebat tahap kuning**

**KUALA LUMPUR 28 Dis.**

- Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning di beberapa negeri di Pantai Timur dan Utara Semenanjung.

Menurut laman web jabatan itu, hujan monsun berserta angin kencang dijangka berlaku di Perlis, Kedah, Perak Utara, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor bermula esok sehingga 31 Disember ini.

“Amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka berlaku di negeri Pahang iaitu di daerah Rompin, Pekan dan Kuantan manakala di Kelantan pula berlaku di daerah Pasir Putih, Machang, Tanah Merah dan Kuala Krai,” kata laman web itu.

Dalam pada itu, amaran yang sama turut membabitkan Terengganu di beberapa daerah iaitu di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman.

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (DARI KELANTAN) : MUKA SURAT 46  
TARIKH: 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

## Rakyat Kelantan diminta waspada hujan monsun berserta angin kencang

**KOTA BHARU-** Pengarah Meteorologi Kelantan, Maqrurun Fadzli Mohd Fahmi meminta rakyat Kelantan berwaspada hujan monsun berserta angin kencang dijangka bermula hari ini hingga 31 Disember ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, fenomena itu sedikit sahaja diramal berlaku di negeri ini dan ia lebih kepada Pahang dan Johor Timur.

"Amaran kuning dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia yang mana kita menjangkakan ia berlaku di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu,

Pahang, Johor dan Sarawak.

"Keadaan semasa kali ini yang mana hujan lebat sudah bermula di Pahang, namun tumpuan lebih ber-tumpu berlaku di sebelah Pahang dan Johor Timur," katanya kepada Sinar Harian di sini.

Beliau berkata, orang ramai boleh merujuk kenyataan itu pada laman website yang disediakan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Dalam perkembangan lain, Maqrurun Fadzli menafikan viral di Facebook dan aplikasi WhatsApp yang seolah-olah menakut-nakut-

kan masyarakat mengenai ribut yang kuat.

"Sememangnya hujan pada musim tengkujuh adalah angin monsun dari China. Fakta itu ada, tetapi ia ditokok tambah oleh mereka yang tidak bertanggung jawab.

"Jabatan Meteorologi hanya meramalkan bagi membolehkan rakyat lebih berwaspada dan setiap fenomena itu bergantung kepada keadaan semasa.

"Kami akan sentiasa mengemas kini keadaan semasa dalam website," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51  
TARIKH: 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)**

## **AF Jets tambah 8 pesawat baharu**

**SUBANG** – AF Jets Sdn. Bhd. (AF Jets), syarikat pembekal perkhidmatan pesawat carter tempatan, bakal meluaskan perkhidmatannya dengan pengenalan lapan buah pesawat baharu pada Februari tahun depan.

Sebelum ini, AF Jets memeterai perjanjian kerjasama dengan Tunamaya Beach & Spa Resort untuk membekalkan dua buah pesawat Cessna Grand Caravan C2088 untuk perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, Selangor ke Pulau Tioman, Pahang.

Menurut Ketua Pegawai Operasinya, Amrul Nizar Anuar, lapan buah pesawat berkenaan akan digunakan untuk penerbangan ke destinasi-destinasi pelancongan di Perak.

Jelasnya, syarikat itu masih lagi mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri khususnya Jabatan Pelancongan untuk tujuan tersebut.

“Antara kawasan berpotensi adalah Zoo Taiping, Pulau Banding, Tasik Belum, Sitiawan dan Pulau Pangkor kerana masing-masing dikelilingi air dan menjadikannya lokasi terbaik untuk pendaratan pesawat di atas permukaan air.

“Justeru, kami sedang menjalankan pemeriksaan di Amerika Syarikat untuk membeli pesawat baharu,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran perkhidmatan penerbangan carter Tunamaya Air di sini baru-baru ini.

Selain Perak dan Pahang, Amrul menambah, pihaknya turut merancang mengembangkan perkhidmatan penerbangan carter ke Terengganu dan Johor.

“Melalui kerjasama dengan Tunamaya Beach & Spa Resort, Pulau Tioman merupakan destinasi pertama kami dan diharapkan menjadi pemangkin kepada pengembangan dan kepesatan perkhidmatan penerbangan carter AF Jets pada masa akan datang,” kata beliau.

Sebelum ini, syarikat penerbangan itu pernah terlibat dengan aktiviti pembenihan awan bersama Lembaga Urus Air Selangor, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Jabatan Meteorologi di Selangor.

# Weather around Java Sea violent

## Ex-pilot: But conditions are manageable

**PETALING JAYA:** Weather conditions around the Java Sea towards year end are known to be violent but not unmanageable, aviation experts said.

Retired pilot Datuk Jalil Mat Dom said thunderstorms in the region could be quite intense and that pilots could ask for a change in their flight plans.

"During this time of the year, the weather can be very violent there. The intensity is quite big and also the area of the thunderstorm is widespread."

"I'm not sure how widespread the storm was, but it can affect the airways, which is why the pilot asked for a deviation," he said when contacted.

Jalil also said that pilots before departing an airport were aware of weather conditions as they were briefed by the meteorological departments in the areas concerned.

Indonesia AirAsia Flight QZ8501 pilot had asked the air traffic control at 7.12am yesterday to deviate its flight path.

The plane, however, disappeared at 7.24am. Departing from Surabaya at 6.35am, it was supposed to have landed in Singapore at 8.30am.

When contacted, a Meteorological Department spokesman confirmed that the Java Sea region had been experiencing thunderstorms and rain from 6am.

"There was no change in this (pattern) until noon, when it started to weaken," the spokesman said.

Universiti Teknologi Malaysia Associate Prof

### MISSING QZ8501



Salehuddin Muhammad said the QZ8501 pilot made the right call to avoid the storm by deviating from the flight path.

"A lot of things can happen to the aircraft (during a storm); turbulence, bouncing in and out of weather."

He cited Air France 447, which crashed into the Atlantic Ocean in 2009 killing all 228 on board after its equipment gave nonsensical readings due to obstruction from ice that formed while flying through a storm.

He said not all aircraft had the ability to climb out of storms, adding that small aircraft could ascend to certain heights and that it was up to pilots to see what to do next.

Malaysian Institute of Aviation Technology senior expert Ahmad Maulan Bardai said communication systems on aircraft such as the A320-200 were designed to work in bad weather.

"However, the weather situation may be beyond certain design characteristics," said Ahmad, declining to elaborate further.

He said bad weather alone could not account for QZ8501's disappearance, adding that more than one factor were usually present.

## Access to east coast cut off

Floodwaters submerge main roads leading to affected areas

**PETALING JAYA:** Access to the country's flood-hit east coast states is now almost totally cut off after waters submerged many of the main roads to the affected areas.

The number of evacuees also rose by nearly 40,000 overnight as the Meteorological Department warned of a new round of heavy rains lasting until Wednesday.

A total of 200,023 evacuees are currently seeking shelter at more than 500 relief centres in five states, up from 160,921 on Saturday.

The East Coast Expressway was the latest major road to be flooded yesterday when water from Sungai Pahang spilled over at the 126km stretch of the highway at Temerloh, cutting off access to most parts of Pahang, Kelantan and Terengganu.

The Works Ministry in a Twitter message issued information on an alternative route that is still open for travellers to the east coast states, starting from Karak via the coastal road through Cherating and then on to Kuala Terengganu and Kota Baru.

As at 6.30pm yesterday, Kelantan remained the worst-hit state with the number of victims rising to 124,966 from 81,925 the day before.

Terengganu had 36,410 evacuees, Pahang (33,601), Perak (4,581) and Johor (465).

The Meteorological Department issued a three-day "yellow" stage alert from today for Perlis, Kedah, north Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor.

The alert, which warns of the possibility of monsoon rains and

heavy winds, also covers Kudat and Sandakan in Sabah as well as Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarakei, Sibu, Mukah and Betong in Sarawak.

In ALOR SETAR, the Muda Agriculture Development Authority (Mada) announced that it had opened tide gates at three irrigation canals over the past two weeks to prevent the floods in Kedah and Perlis from worsening.

Its chairman Datuk Othman Aziz said the measure was necessary to prevent water from Sungai Pendang, Sungai Anak Bukit, Sungai Padang Sanai, Sungai Bata and Sungai Arau from spilling over.

There were no plans yet to release water from the Pedu, Ahning and Muda dams in Kedah, Othman said.

In KUANTAN, Temerloh has been effectively cut off to land vehicles after a section of the East Coast Expressway became severely flooded.

According to the Pahang Public Works Department, several trunk roads leading to and from the district were also inaccessible to all vehicles.

Main roads from Temerloh to Bera and Jerantut have also been closed after the water level rose to more than a metre high.

A spokesman from the Pahang police contingent headquarters flood operations room said the Seremban-Kuala Pilah-Serting-Muadzam Shah-Kuantan route could be used as an alternative for travel between Kuantan and Kuala Lumpur.

KERATAN AKHBAR  
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 29 DISEMBER 2014 (ISNIN)

## More heavy rain to come

PETALING JAYA: The flood situation could get worse as more heavy rain is expected in the next few days. Meteorological Department senior officer Dr Hisham Mohd Anip said rain clouds off the east coast of peninsular Malaysia will most likely arrive in southern Terengganu, eastern Pahang and eastern Johor. "Rain are clouds moving towards the east coast and we expect continuous rain for the next two to three days," Hisham said.